

01/11/1999

Gas dari JDA dijual 2002

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

GAS dari kawasan Blok A-18 dalam perairan bertindih di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) Malaysia-Thailand akan mula dijual kepada Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PTT), pada pertengahan 2002.

Di bawah fasa pertama pengeluaran, tiga syarikat yang dipertanggungjawabkan mencari gali, mengeluarkan dan menjual sumber bahan api dari perairan di Teluk Thailand itu, Petronas Carigali (JDA) Sdn Bhd, Triton Oil Company of Thailand dan Triton Oil Company of Thailand (JDA) Ltd, akan menjual 390 juta kaki persegi (mmscfd) gas sehari selama 20 tahun.

Berdasarkan kepada permintaan gas, fasa kedua projek berkenaan dijangka mengeluarkan tambahan 300 mmscfd gas sehari, mulai 2005.

Block A-18 sedang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) dengan Petronas Carigali (JDA), Triton Oil Company of Thailand (JDA) Ltd dan Triton Oil Company of Thailand Ltd sebagai kontraktor perkongsian pengeluaran.

Menurut kenyataan Petronas yang dikeluarkan pada majlis menandatangani Perjanjian Pembelian Gas (GSA) antara Petronas dan PTT dengan tiga syarikat terbabit, kelmarin, gas dari Blok A-18 itu akan diproses di dua Loji Pengasingan Gas (GSP) di Chana, dekat Songkhla, Selatan Thailand.

Gas berkenaan akan disalurkan ke GSP terbabit melalui sistem saluran Paip Gas Trans-Thailand Malaysia (TTM) manakala untuk ke Malaysia, ia disalurkan melalui paip yang disambung dari GSP ke Changlun, utara Kedah yang seterusnya akan dihubungkan dengan paip Petronas di bawah projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU).

JDA adalah perairan bertindih antara Malaysia dengan Thailand. Selain Blok A-18, kawasan itu juga mempunyai kawasan sumber gas di Blok B-17 dan Blok C-19.

Pada majlis menandatangani GSA antara Petronas dengan PTT masing-masing sebagai pembeli gas, di Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah kelmarin, Petronas diwakili Presidennya, Tan Sri Mohd Hassan Marican dan manakala PTT diwakili Gabernonya, Viset Choopiban.

MTJA yang bertanggungjawab bagi kedua-dua negara bagi mengeluarkan sumber petroleum di kawasan JDA, diwakili Ketua Eksekutif (CEO), Ismail Sulaiman.

Selain itu, Petronas Carigali (JDA) Sdn Bhd diwakili Pengarahnya, Datuk Mohd Idris Mansor dan Triton Energy Ltd oleh Presidennya, James C Musselmen.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Thailand, Chuan Leekpai.

Usaha mengeluarkan sumber bahan api di kawasan itu dimulakan pada 1979 apabila Malaysia dan Thailand menandatangani memorandum persefahaman penubuhan MTJA yang diikuti dengan perjanjian penubuhannya pada 30 Mei 1990.

Bagi membina dua loji GSP, memasang dan melaksanakan operasi paip TTM dan itu, Petronas dan PTT, masing-masing menubuhkan sebuah syarikat di Malaysia dan Thailand yang dikenali sebagai Trans-Thai-Malaysia (Malaysia) Sdn Bhd dan Trans-Thai-Malaysia (Thailand) Ltd.

Dengan kadar nisbah 50:50 kedua-dua syarikat berkenaan akan melabur kira-kira AS\$800 juta (RM3.04 bilion) untuk membina paip TTM sepanjang 360 kilometer dan dua loji GSP yang masing-masing mempunyai keupayaan memproses 425 mmscfd sehari.

( END )